

KAJIAN TENTANG KESAN - KESAN KEATAS KAUM BURUHI
LOMBONG CHINA DI PERAK PADA ZAMAN KEMELESETAN
EKONOMI MALAYA 1929 - 1933

SYED NOOHI SYED AEDULLAH



ARKIB

rb
fAC895
M22N816

KAJIAN TENTANG KESAN-KESAN KEATAS KAUM BURUH
LOMBONG CHINA DI PERAK PADA ZAMAN
KEMELESETAN EKONOMI MALAYA 1929-1933.

Oleh
Syed Nooh Syed Abdullah.

Penyelis
Dr.P.H Kratoska.

Latihan Ilmiah ini diajukan bagi memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan
Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam
bidang Sejarah.

Universiti Sains Malaysia

Sessi 1982/83

Tarikh: 12hb. Feb. 1982.

[Faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the page]

Untuk,

Keluarga Tersayang,

Pah,

Dan Rakan Sekelian.

rbm
fac 295
M22 N 816

Penghargaan.

Syukur ke hadhrat Allah s.w.t, kerana dengan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan semurnya. Beberapa pihak telah turut memberi kerjasama yang memuaskan kepada saya dan ini telah melancarkan usaha saya tadi.

Di sini ingin saya marakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Penyelia saya Dr. Paul H. Kratoska yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk-ajar dan panduan berupa khidmat nasihat yang secara langsung telah membantu saya menyelesaikan kesulitan dan kebuntuan yang dihadapi semasa saya menyediakan Latihan Ilmiah ini. Bimbingan dan tunjuk-ajar yang telah beliau curahkan amat saya hormati.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Santhakumari Penguasa Rumah Sri Kenangan Taiping, Perak dan kepada Encik Azmi Penguasa Rumah Kebajikan Tanjung Rambutan, Perak kerana telah membenarkan saya ^{menemubual} bekas buruh-buruh lombong yang menghuni di rumah-rumah tersebut.

Tidak lupa diucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Latif Ariffin Pengarah Muzium Taiping, Perak, pihak kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia, kakitangan perpustakaan Pulau Pinang, kakitangan Arkib Negara dan lain-lain yang terlibat memberikan kerjasama kepada saya.

Semuga Allah jua yang akan membalas budi baik mereka dan melimpahkan kurnia dan kebahagiaan keatas mereka. Amin!

Pendahuluan.

Zaman kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1933, telah meninggalkan kesan buruk keatas sosio-ekonomi Malaya ketika itu. Ini disebabkan kekukuhan ekonomi negara terlalu bergantung kepada hasil eksport bahan mentah utama iaitu getah dan timah. Pengeluaran berlebihan yang berlaku serentak dengan kemelesetan ekonomi dunia telah mengakibatkan kemerosotan kedudukan harga secara berterusan di pasaran dunia bagi bahan-bahan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Malaya mengalami krisis kewangan, menimbulkan masalah pengangguran tenaga buruh immigran dan kedudukan industri getah dan timah turut terjejas. Mungkin tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa, zaman meleset merupakan 'zaman gelap' bagi industri getah dan timah, para majikan dan pemodal, tenaga buruh yang terlibat dengan industri berkenaan dan juga bagi kerajaan British Malaya pada waktu itu. Pernyataan ini dibuat berdasarkan kepada kesan-kesan buruk yang diakibatkan oleh zaman meleset tersebut.

Walaupun demikian, di British Malaya sendiri kesan zaman meleset bukanlah sekata. Ini disebabkan oleh situasi yang berbeza di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat di satu pihak yang mana amat bergantung kepada bijih timah, getah dan perdagangan antarabangsa, sementara Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu di satu pihak yang lain dianggap kurang maju dari segi ekonomi (kecuali Negeri Johor). Dalam sebuah artikel Prof. Khoo Kay Kim : *The Great Depression; The Malaysian Context*,¹ beliau telah membincangkan tentang beberapa kesan zaman meleset keatas ekonomi dan sosial secara keseluruhannya di Malaya.

(1) Artikel ini terdapat dalam buku, The History of South East, South and South East Asia. ed. by Khoo Kay Kim, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977. m.s 78-94.

Dalam kajian Ilmiah ini, pengarang telah memilih tajuk, 'Kajian tentang kesan-kesan keatas kaum buruh China Lombong di Perak pada zaman kemelesetan ekonomi di Malaya 1929-1933. Tajuk ini dipilih kerana ianya masih 'segar' dan amat menarik untuk dikaji secara mendalam. Perak menjadi tempat tumpuan kajian disebabkan negeri tersebut adalah pengeluar utama bijih timah di Malaya dan terdapat sejumlah besar tenaga buruh China yang terlibat dalam industri timah di sana.

Dalam menghadapi masalah pengangguran pada zaman meleset, kerajaan telah bertindak dengan menyediakan berbagai peluang pekerjaan baru, mengeluarkan lesen-lesen TOL kepada buruh setingan dan membina kem sementara untuk buruh-buruh China yang menganggur. Hasrat kerajaan adalah untuk menjamin bekalan buruh yang mencukupi untuk industri timah di negara ini apabila keadaan ekonomi pulih semula. Berdasarkan pernyataan ini, pengarang membuat andaian dasar bahawa, bekalan tenaga buruh China terjamin kerana kejayaan tindakan kerajaan mengatasi masalah pengangguran di British Malaya. Ini akan dibuktikan oleh pengarang. Selain dari itu, Pengarang juga cuba mendedahkan tentang berbagai masalah kaum buruh China di zaman meleset. Kaedah Penyelidikan.

Sewaktu membuat kajian ini, pengarang telah terlibat dengan beberapa sesi temubual dengan bekas buruh lombong di Rumah Sri Kenangan, Taiping, Rumah Kebajikan Tanjung Rambutan dan Rumah Kebajikan Jelapang, Ipoh, Perak. Selain dari ini pengarang telah melawat beberapa kelab China di bandar Taiping, melawat beberapa kampung di Kamunting dan Assam Kumbang dalam usaha mencari responden. Masalah yang dihadapi.

Masalah komunikasi adalah masalah utama berdasarkan kepada tiga sebab. Pertama, beberapa orang responden kurang daya pendengaran mereka. Kedua, kebanyakan daripada bekas pelombong ini tidak fasih berbual dalam

Bahasa Malaysia. Ketiga, masalah emosi kaum buruh, yakni apabila mereka mengenangkan pengalaman lampau. Untuk mengatasi masalah-masalah ini pengarang telah mendapat pertolongan dari beberapa orang jurubahasa di institusi berkenaan di samping menyediakan rokok bagi menggalakkan kerjasama mereka di sepanjang sesi temubual itu.

Sinopsis Latihan Ilmiah.

Kedudukan industri timah di Perak amat dipengaruhi oleh pergolakan suasana ekonomi di pasaran dunia. Zaman meleset dunia telah mengakibatkan kejatuhan harga dan semakin berkurangnya permintaan bijih timah. Ini menyebabkan kemerosotan industri timah dan diikuti oleh berbagai masalah lain. Pihak majikan terpaksa berhadapan dengan krisis kewangan dan masalah hutang. Keadaan ini memaksa mereka bertindak memotong gaji kaum buruh disamping mengurangkan saiz tenaga buruh di lombong mereka bagi mengurangkan kos pengeluaran.

Lombong China yang berintensifkan buruh tidak dapat bertahan lama dengan kedudukan harga timah yang semakin merosot jika dibandingkan dengan lombong Eropah yang berintensifkan modal. Justeru itu banyak perusahaan lombong majikan China terpaksa ditutup sebab mengalami kerugian dan buruh-buruh lombong dibuang kerja. Di kemuncak zaman meleset 1931, masalah pengangguran di Perak semakin serius akibat penguatkuasaan akta bijih timah pada tahun tersebut.

Akibat tindakan tersebut masalah sosio-ekonomi kaum buruh bertambah buruk dan mereka terpaksa mencari kerja dan tempat tinggal baru. Ramai yang melibatkan diri dalam kegiatan pertanian, penternakan, menjadi penoreh getah, menjaja makanan, berhuma dan sebagainya. Pengangguran dan kurang punca mendapat wang telah menyebabkan masalah sosial dalam bentuk kegiatan jenayah di Perak semakin meningkat dan khususnya di Kinta pada zaman meleset. Kegiatan ini meliputi soal rompakan,

pembunuhan, mencuri dan lain-lain. Kesulitan kehidupan kaum buruh telah menimbulkan simpati dari masyarakat China terutamanya golongan saudagar China. Bantuan-bantuan diberi oleh 'towkey' China dan persatuan-persatuan orang China turut memberi beberapa kemudahan kepada kaum buruh yang menganggur. Pihak akhbar, Badan Perniagaan Perak dan ahli-ahli politik China turut memainkan peranan penting dalam mendesak kerajaan supaya mengambil langkah wajar bagi mengatasi masalah kaum buruh ini. Berhubung dengan perkara ini kerajaan telah bertindak dengan menyediakan peluang pekerjaan baru, membina khemah sementara, mengeluarkan lesen TOL disamping menghantar pulang buruh-buruh China yang menganggur ke negeri asal mereka.

Penglibatan kaum buruh dalam kerja-kerja sementara seperti kerja pembinaan bangunan, membina dan membesarkan jalan, meluruskan jalan, memesung dan mendalamkan sungai, telah berjaya meredakan masalah sosio-ekonomi mereka. Beberapa tindakan kerajaan dalam zaman meleset memperlihatkan dasar-dasar kerajaan terhadap kaum buruh China. Kerajaan menghantar pulang kaum buruh China yang uzur dan tidak mempunyai prospek pekerjaan lagi di negara ini yang mana akan membebankan kerajaan sahaja. Untuk mengukuhkan pengawasan kerajaan terhadap buruh dan mengelakkan keadaan pengangguran bertambah buruk, akta Pengawasan Immigrasi dikenakan khusus terhadap buruh dan masyarakat China. Dasar kerajaan ialah untuk mengimbangi bekalan buruh negara dan permintaan di pasaran buruh. Disamping itu juga kerajaan telah mengeluarkan lesen TOL dan membina khemah sementara untuk kaum buruh yang menganggur supaya bekalan tenaga buruh sentiasa mencukupi di British Malaya.

Dari sinopsis di atas, dalam bab pertama membincangkan tentang kedudukan industri timah di Perak semasa zaman meleset khususnya berhubung dengan kedudukan harga timah, jumlah pengeluaran dan hasil pendapatan, saiz

tenaga buruh dan kesan tindakan pengawalan pengeluaran bijih timah keatas kaum buruh lombong. Juga dibincangkan sistem pengambilan buruh, masalah buruh lombong, krisis kewangan pihak majikan lombong dan tindakan majikan dalam menghadapi keadaan itu.

Dalam bab II perbincangan meliputi seluruh aspek masalah sosio-ekonomi kaum buruh lombong yang telah dibuang kerja semasa zaman meleset. Ini termasuk penglibatan mereka dalam bidang ekonomi baru, sistem upah yang diamalkan, masalah buruh yang terlibat dalam bidang perniagaan barangan makanan, masalah tempat kediaman, taraf sosio-ekonomi buruh lombong dan masalah sosial di negeri Perak.

Dalam bab III dijelaskan tentang reaksi golongan towkey dan bantuan yang diberikan, peranan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan China dan akhbar-akhbar tempatan China serta pandangan Badan Perniagaan dan kaum intelek China terhadap masalah sosio-ekonomi buruh lombong. Seterusnya dibincangkan pula tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut dan penglibatan buruh dalam bidang pekerjaan yang diwujudkan. Peranan Jabatan Perlindungan China, agen-agen buruh serta sistem bekerja dan sistem upah dibincangkan dalam bab ini.

Dalam bab IV akan diperlihatkan secara keseluruhan tentang dasar-dasar kerajaan terhadap kaum buruh China semasa zaman meleset. Ini meliputi soal repatriasi buruh China, sikap buruk China, dasar pembangunan kerajaan di Perak, dasar penempatan buruh China, tindakan kerajaan mengawal kemasukan buruh immigran dan beberapa kesan tindakan kerajaan keatas masyarakat China di Malaya.